



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)

Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**MERINYU BANDARAN KANAN (C.2 EB.3)
JABATAN BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**MERINYU BANDARAN KANAN
JABATAN BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI
C.2 EB.3 (\$1,450 - \$2,270 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) *BDTVEC / BTEC* Sijil Tertinggi Kebangsaan (*HNC*) atau sebanding dalam bidang Pengurusan dan Logistik atau bidang bersesuaian.

ATAU


- b) Telah berkhidmat di Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun atau dalam jawatan Merinyu Bandaran dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 8 tahun.
2. Mempunyai lesen memandu kelas 3 yang sah (tidak mansuh).

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Membantu Penolong Setiausaha Bandaran dalam hal ehwal perkhidmatan rumput dan longkang kawasan Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria;
2. Menyelia kerja-kerja yang diarahkan kepada Merinyu Bandaran, Pengawas kecil dan Buruh-Buruh;



3. Membuat perancangan dan penjadualan tugas-tugas perkhidmatan pemotongan rumput-rumput, pembersihan longkang konkrit, taman bunga, mencantas pokok kawasan Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria;
4. Membuat pemantauan dan laporan berhubung kait dengan kerja-kerja kontrak dan buruh-buruh mengenai pemotongan rumput dan pembersihan longkang konkrit di bawah kawalan Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria; dan
5. Mengatur dan mengambil tindakan segera jika terdapat tempat-tempat rumput panjang, longkang tersumbat dalam lingkungan kawasan Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria.